

terbuka kepada persatuan, pertubuhan, NGO berdaftar, koperasi berdaftar dan JKK yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS).

Di sepanjang RMKe-9, sejumlah RM 168.05 juta telah diluluskan melibatkan 365 projek dan bagi RMKe-10 sehingga Ogos 2014 sejumlah RM14.36 juta telah diluluskan melibatkan 54 projek menerusi dana ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Berhubung soalan berkaitan contoh inovasi yang dijual ke negara luar, sehingga kini, terdapat banyak produk yang telah bangunkan dengan menggunakan dana R&D MOSTI dan telah berjaya menembusi pasaran tempatan dan luar negara. Pencapaian produk-produk tersebut serta syarikat-syarikat Malaysia dalam menembusi pasaran antarabangsa merupakan satu kejayaan kepada Malaysia. Pemasaran produk ke persada antarabangsa telah dapat membantu meningkatkan nilai eksport pendapatan negara dan menunjukkan kepada dunia bahawa produk inovasi dan R&D bahawa Malaysia juga mempunyai keupayaan, daya saing serta standard piawaian antarabangsa.

Demografi pasaran produk Malaysia telah mendapat permintaan dari negara-negara di Asia Tengara, Asia Timur, Timur Tengah serta Eropah dan Amerika. Antara contoh produk yang telah berjaya dikomersilkan ke luar negara ialah:-

1. Produk "**7.5kW Variable Voltage Variable Frequency (VVVF) Inverter Drive System and Supporting Controllers**" oleh MS Elevators Sdn Bhd yang mempunyai nilai jualan sebanyak RM366

juta Produk ini telah berjaya dipasarkan ke Australia, Negara-negara Timur Tengah dan Negara-negara di Asia Tenggara.

2. "***Locally Developed R&D in Preservation Standardisation and Enhancement Plastics Properties in order to Produce Standardised Base Blend and High Performance Plastic Resins***" oleh Heng Hiap Industries Sdn Bhd yang mempunyai nilai jualan sebanyak RM145 juta Produk ni mendapat permintaan dari United Kingdom Australia, Germany, Holland, Africa, Korea, India, Amerika Syarikat dan Negara Jepun.
3. "***Downstream Tilapia Processing (Gilled, Gutted, and Scaled) and Restructured Fish Fillet Using Individual Quick Freezing With Glazing Technology***" yang dikomersilkan oleh Ambang Wibawa Sdn Bhd ke Korea ke beberapa buah negara di Timur Tengah dengan nilai jualan sebanyak RM28 juta.

Sekian, terima kasih.